

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA - PAS]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 20)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Hari Belia Negara 2014 (Festival Belia Putrajaya) yang diadakan pada Mei 2014 dan sejauh manakah keberkesanan kepada pembangunan belia Malaysia dan nyatakan juga perbelanjaan sambutan hari belia di peringkat daerah dan negeri seluruh Malaysia.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan sambutan Festival Belia Putrajaya termasuk Sambutan Hari Belia di peringkat daerah dan negeri adalah berjumlah RM10 juta.

2. Pada tahun ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui agensinya iaitu Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menjalankan kajian berhubung Penganjuran Hari Belia 2014. Berdasarkan kepada hasil pelaporan kajian yang melibatkan seramai 6,434 responden di pelbagai peringkat daerah, negeri dan seterusnya di peringkat kebangsaan (Putrajaya) dari aspek impak sosial menunjukkan:-
 - i. Penerimaan belia terhadap pendekatan konsep baharu Hari Belia Negara 2014 sebanyak 94.7 peratus atau 6,093 responden.
 - ii. Keterlibatan belia dari aspek kesukarelawan adalah sebanyak 54.8 peratus atau 3,525 responden.
 - iii. Elemen perpaduan nasional sebanyak 65.4 peratus atau 4,206 responden.
 - iv. Elemen kreativiti sebanyak 60.7 peratus atau 3,906 responden.
 - v. Elemen kerohanian dan modal insan sebanyak 59.9 peratus atau 3,855 responden.

SULIT

- vi. Elemen identiti seni budaya dan warisan sebanyak 63.8 peratus atau 4,106.
3. Selain itu, hasil dapatan kajian turut mendapati penganjuran Hari Belia Negara bukan sahaja memberi impak sosial kepada pengunjung yang hadir, malah ia memberi impak dari sudut peluang ekonomi kepada golongan belia untuk terlibat dalam bidang keusahawanan semasa penganjuran Hari Belia Negara. Hasil "Focus Group Discussion" kepada para peniaga, menyatakan majoriti daripada mereka berjaya menjana peluang ekonomi sekitar RM1500-RM2000 bagi tempoh 3 hari pelaksanaannya.
4. Selain itu, pelaksanaan aktiviti pada tahun ini memberikan penekanan khususnya dalam aspek kerohanian dan modal insan melalui aktiviti seperti pertandingan tilawah Al-Quran, nasyid, komping formasi yang menjadi acara pembukaan bagi setiap aktiviti di peringkat Daerah dan Negeri. Manakala, bagi pembuka tirai Festival Belia Putrajaya 2014, Kementerian buat pertama kalinya melaksanakan Program Belia Berselawat dengan mengajak para belia berkumpul dan berselawat bersama. Program ini telah berjaya menarik minat ribuan belia untuk berhimpun dan berselawat. Pihak kerajaan yakin dengan aktiviti seperti ini dilihat sebagai satu kaedah yang tepat dalam memperkasakan aspek kerohanian belia di negara ini dengan menampilkan aktiviti berteraskan elemen keagamaan dan suntikan kerohanian.

SULIT

5. Secara keseluruhannya, perayaan dan sambutan Hari Belia Negara telah menjadi platform bagi generasi muda bagi mempamerkan dan menunjukkan pelbagai kebolehan, kreativiti, sifat daya saing yang tinggi dalam pelbagai bidang kehidupan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Sekian, terima kasih.